

KURSUS PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN TAPAK SEMAIAN SAWIT

PENGAWALSELIAAN TAPAK SEMAIAN SAWIT

Disampaikan oleh:

Hj Zamri Bin Mohd Salleh
Ketua Wilayah Tengah
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan MPOB

SKOP PEMBENTANGAN

1. Pendahuluan

- ❖ Maksud Pengawalseliaan
- ❖ Objektif Pelesenan
- ❖ Akta & Perundangan Subsidiari MPOB
- ❖ Aktiviti Perlu Dilesenkan
- ❖ Pengecualian
- ❖ Industri Sawit Negara
- ❖ Singkatan & Tafsiran
- ❖ Kategori Lesen

2. Permohonan Lesen

- ❖ Kaedah/cara
- ❖ Kriteria Permohonan

3. Syarat-syarat lesen

4. Pembaharuan lesen

5. Penguatkuasaan



PENUBUHAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)



1 MEI 2000

MPOB ditubuhkan melalui
Akta Lembaga Minyak Sawit
Malaysia, 1998 (Akta 582),
berkuat kuasa 01 Mei 2000.

**Palm Oil Research
Institute of Malaysia
(PORIM)**

**Palm Oil Registration
and Licensing Authority
(PORLA)**

PENDAHULUAN

- ❖ Fungsi pelesenan MPOB **mengatur, mengawal dan menyelaraskan** semua aktiviti berhubung dengan penanaman, pengilangan, penjualan, pembelian, penghasilan, pengalihan, penyimpanan, pengukuran, pengujian, pengeksportan dan pengimportan keluaran kelapa sawit. Semua aktiviti didaftar dan dilesenkan mengikut Akta dan Peraturan subsidiari



PENGAWALSELIAAN

Satu usaha mengawal dan menyelia sesuatu pekerjaan supaya berjalan lancar selaras dengan peraturan, prinsip dan objektif yang telah ditetapkan.

Kawalselia ke atas nurseri sawit adalah berkaitan pematuhan peraturan dan syarat lesen bagi mengawal mutu pengeluaran anak benih sawit serta menjamin kesejahteraan industri sawit.

Mekanisma pengawalseliaan - mewujudkan Akta dan Peraturan tertentu yang dikenakan ke atas pemegang lesen.

OBJEKTIF PELESENAN

Menentukan industri sawit berkembang dengan sihat, sempurna dan teratur melalui fungsi mengatur, mengawal dan menyelaraskan semua aktiviti dalam industri sawit.

AKTA MPOB DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI

Akta MPOB 1998 [Akta 582]

**Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit
Malaysia(Pelelesenan) 2005**

**Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit
Malaysia (Mutu) 2005**

**Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit
Malaysia (Pendaftaran Kontrak) 2005**

**Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit
Malaysia (Mengkompaun Kesalahan) 2005**

Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia(Ses) 2019

KELAS KELUARAN KELAPA SAWIT YANG DILESENKAN

1. Bahan Tanaman Kelapa Sawit



1.1 Biji Benih Kelapa Sawit (SDS)



1.2 Anak Benih Kelapa Sawit daripada Biji Benih Kelapa Sawit (SLGBIJI)

1.3 Anak Benih Kelapa Sawit daripada Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (SLGTISU)



1.4 Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (PFOPT)

2. Buah Kelapa Sawit (FFB)

3. Minyak Sawit



3.1 Minyak SawitMentah (CPO)



3.2 Minyak Isirung Sawit Mentah (CPKO)



3.3 Minyak Sawit Yang Diproses PPO)

3.4 Minyak Isirung Sawit Yang Diproses (PPKO)



3.5 Minyak Sawit Keladak (SPO)

4. Isirung Sawit (PK)

5. Bungkil Isirung Sawit (PKC)

P4, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005

6. Asid Lemak Sawit (PFA)

7. Oleokimia Sawit (PCM)

AKTIVITI YANG PERLU DILESENKAN

AKTIVITI	KELUARAN KELAPA SAWIT
1. MENGHASILKAN OPPM	SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT
2. MENJUAL DAN MENGALIH OPPM	(SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO) PK, PFA atau PCM
3. MEMBELI FFB, PO	(CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK atau PFA
4. MENYIMPAN OPPM	(SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PKC, PFA atau PCM
5. MEMULAKAN PEMBINAAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT	
6. MENGILANG BUAH KELAPA SAWIT	

AKTIVITI YANG PERLU DILESENKAN

AKTIVITI	KELUARAN KELAPA SAWIT
7. MEMULAKAN PEMBINAAN KEMUDAHAN SIMPANAN PUKAL KELUARAN KELAPA SAWIT	
8. MENGUKUR ATAU MENGUJI OPPM	(SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PFA atau PCM
9. MENGEKSPORT ATAU MENGIMPORT OPPM	(SDS, SLG, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PFA atau PCM
10. MENGALIH MINYAK SAWIT	(CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO)

(Nota: Sila rujuk senarai singkatan pada Lampiran 1 dalam nota)

PENGECUALIAN

Pengecualian lesen bagi aktiviti **MENYIMPAN**:

- i. Menyimpan PPO dalam bungkus tidak lebih 25 kg berat bersih.
- ~~ii. Menyimpan atau mengalih anak benih kelapa sawit untuk tanaman ladang sendiri.~~
- iii. Menyimpan PKC bagi makanan ternakannya.
- iv. Menyimpan PCM bagi kegunaan sendiri dan bukan bagi maksud menjual.

INDUSTRI SAWIT NEGARA

07

Sektor Perladangan



1. Pengeluar Biji Benih
2. Pengeluar Tisu Kultur
3. Tapak Semain
4. Estet
5. Pekebun Kecil*

Sektor Perniagaan



6. Peniaga Asid Lemak
7. Peniaga Buah Kelapa Sawit
8. Peniaga Isirung Sawit
9. Peniaga Minyak Sawit
10. Peniaga Oleokimia Sawit
11. Peniaga Anak Benih Sawit
12. Peniaga Tisu Kultur

Sektor Pengilangan



Memulakan Pembinaan Kilang Sawit

14. Kilang Kelapa Sawit
15. Kilang Pelumat
16. Kilang Olekimia Sawit
17. Kilang Penapis

Sektor Perkhidmatan



23. Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit
24. Pengimport Keluaran Kelapa Sawit



21. Makmal
22. Pengukur Keluaran Kelapa Sawit



19. Memulakan Pembinaan Pusat Simpanan Pukul
20. Pusat Simpanan Pukul

18. Pengangkut

SINGKATAN DAN TAFSIRAN

- ❖ **“Biji benih kelapa sawit” (SDS)** ertinya biji benih kelapa sawit dan termasuk biji benih yang dibenarkan untuk bercambah kepada peringkat apabila redikal (akar ulung) dan plumulnya (pucuk) boleh dilihat.
- ❖ **“Anak benih kelapa sawit” (SLG)** ertinya anak benih dengan daun dan akar.
- ❖ **“Tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit” (PFOPT)** ertinya kelapa sawit yang dikulturkan atau berasal dari tisu kelapa sawit.

KATEGORI LESEN BERKAITAN BAHAN TANAMAN KELAPA SAWIT

1) Tapak Semaian (Penghasil Anak Benih) (NN)

2) Peniaga Biji Benih, Anak Benih, Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (DN / DT)

3) Penghasil Biji Benih dan Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (NS / NT)

4) Pengeksport / Pengimport (PX / PM)


BILANGAN PEMEGANG LESEN BERKAITAN BAHAN TANAMAN KELAPA SAWIT SEHINGGA SEPT 2025

NEGERI	PENGHASIL		TAPAK SEMAIAN	PENIAGA		JUMLAH
	NS	NT		DN	DT	
JOHOR	7	1	161	2	0	171
KEDAH	0	0	49	1	0	50
KELANTAN	0	0	40	0	0	40
MELAKA	0	0	14	1	0	15
NEGERI SEMBILAN	1	1	27	0	0	29
PAHANG	1	0	105	0	0	106
PERAK	4	1	119	1	0	125
PERLIS	0	0	1	0	0	1
PULAU PINANG	0	0	5	0	0	5
SELANGOR	1	3	28	7	0	39
TERENGGANU	0	0	31	0	0	31
WILAYAH PERSEKUTUAN	0	1	0	0	0	1
SEM. MALAYSIA	14	7	571	13	0	613
SABAH	7	1	269	1	0	278
SARAWAK	2	0	221	2	0	225
SABAH / SARAWAK	9	1	490	3	1	503
JUMLAH MALAYSIA	23	8	1,061	16	1	1,109

KAEDAH PERMOHONAN LESEN


SISTEM MYLESEN UNTUK LESEN KATEGORI UTAMA

<https://e-lesen.mpob.gov.my>



SISTEM E-LESENPK UNTUK LESEN PEKEBUN KECIL

<https://e-lesenpk.gov.my>



SECARA ATAS TALIAN

- Kriteria dan Panduan Permohonan.
- Isi Borang.
- Buat bayaran fi lesen (Kategori Utama)
- Muatnaik dokumen.

KHIDMAT KAUNTER

- Kaunter bantuan di semua pejabat wilayah, cawangan (Pelesenan dan Penguatkuasaan)
- Sedia komputer dan pegawai khidmat pelanggan.

PEMROSESAN LESEN

- Permohonan diterima masa sebenar, disemak dan diproses.
- Permohonan ditutup, ditolak atau dilulus.
- Pemohon boleh menyemak status permohonan secara atas talian.

KRITERIA PERMOHONAN LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN)

AKTIVITI DILESEN	KRITERIA PERMOHONAN
1. Menghasilkan SLGBIJI, SLGTISU	1) Entiti perniagaan yang sah 2) Modal: RM50,000.00 Bukti modal :
2. Menjual dan Mengalih SLGBIJI, SLGTISU	i. Borang SSM terkini (<i>summary of share capital</i>) bagi entity Syarikat ii. Penyata akaun bank tiga bulan terkini bagi agensi Kerajaan / perkongsian / perseorangan iii. Jumlah pemilikan saham terkumpul bagi entiti koperasi
3. Menyimpan SLGBIJI, SLGTISU	3) Pemilikan Premis: a) Pemilikan sah ke atas tanah / premis Bukti melalui : Surat hakmilik tanah, pajakan, sewaan perjanjian jual beli, kebenaran menduduki daripada pemilik atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan. b) Di atas tanah yang belum di sukat, tidak berhakmilik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada pihak Berkuasa Negeri/Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak /Jabatan Tanah dan Ukur Sabah

KRITERIA PERMOHONAN LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN)

AKTIVITI DILESEN	KRITERIA PERMOHONAN
1. Menghasilkan SLGBIJI, SLGTISU 2. Menjual dan Mengalih SLGBIJI, SLGTISU 3. Menyimpan SLGBIJI, SLGTISU	4) Kesesuaian Premis: i. Keluasan minima tapak semaian seluas 1 hektar atau jumlah keluasan <i>agregate 1 hektar dalam mukim yang sama</i> ii. Premis yang sesuai seperti kecerunan, sumber air, tidak mudah banjir atau air bertakung tiada lindungan pokok besar. 5) Lulus Ujian Tapak Semaian Mempunyai kakitangan yang telah hadir kursus dan lulus ujian Pengurusan dan Penyelenggaraan Nurseri Sawit anjuran MPOB berkhidmat dengan pemohon. Tidak terikat bekerja dengan mana-mana pemegang lesen Tapak Semaian yang lain. <i>(Kriteria ini tidak terpakai untuk tapak semaian bagi tujuan kegunaan tanaman di ladang sendiri)</i> 6) Pensijilan Code of Good Nursery Practice Nurseries (CoPN) Pemegang lesen di beri tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen diluluskan untuk mempunyai pensijilan <i>Code Of Good Nursery Practice For Oil palm Nurseries (CoPN)</i> daripada Lembaga atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga.

LESEN MPOB

 e-lesen.mpob.gov.my

QR Code Validation

No. Lesen	622855011000
No. Rujukan Permohonan	Ref2-00143014
Nama Syarikat	JOHAWAKI FARM SDN. BHD.
Tarikh Cetak	21 Sep 2024
Alamat Premis	LOT 247, MUKIM JAYA BARU, PERAK TENGAH, PERAK
Aktiviti dan Produk	1 Menghasilkan SLGBUI # 2 Menjual dan mengalih SLGBUI # 3 Menyimpan SLGBUI #
Kelulusan	
Daya Pemprosesan	
Tempoh Sah Lesen	Dari 21 Sep 2024 sehingga 31 Aug 2025
Status Lesen	Sah

Borang MPOB L1



NO. LESEN : 622855011000

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998

PERATURAN-PERATURAN
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005

Menurut Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan tertakluk kepada syarat dalam atau yang dilampirkan atau dikenakan pada lesen ini, Lembaga dengan ini mengeluarkan lesen yang berikut itu kepada:

JOHAWAKI FARM SDN. BHD. (NO. PENDAFTARAN: 605700-D)

dari NO. 36A, JALAN DATUK SULAIMAN TAMAN TUN DR ISMAIL, 60000 KUALA LUMPUR,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

bagi

No.	Aktiviti Berlesen	Keluaran Kelapa Sawit
1	Menghasilkan	SLGBUI #
2	Menjual dan mengalih	SLGBUI #
3	Menyimpan	SLGBUI #

Bagi tempoh Satu (01) tahun bermula dari 21/09/2024 hingga 31/08/2025
termasuk kedua-dua tarikh di premis berlesen yang berikut:

LOT 247, MUKIM JAYA BARU,
32020 PERAK TENGAH
PERAK

Daya Pemprosesan Yang Dibenarkan

	tan buah kelapa sawit setahun
Fi	: RM300
Kategori	: NN
Bertarikh	: 21/09/2024

Datuk Dr. Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir
Ketua Pengarah
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Nota:

Keluaran Kelapa Sawit	Singkatan	Keluaran Kelapa Sawit	Singkatan
Buah Kelapa Sawit	FFB	Anak Benih Kelapa Sawit Daripada	SLGTISU
Isirung Sawit	PK	Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit	PFOPT
Asid Lemak Sawit	PFA	Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit	PO
Oleokina Sawit	PCM	Minyak Sawit	CPO
Bungkil Isirung Sawit	PKC	Minyak Sawit Mentah	PPO
Bahan Tanaman Kelapa Sawit	OPPM	Minyak Sawit Mentah Yang Diproseskan	CPKO
Biji Benih Kelapa Sawit	SDS	Minyak Isirung Sawit Mentah	PPKO
Anak Benih Kelapa Sawit	SLG	Minyak Isirung Sawit Mentah Yang Diproseskan	SPO
Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Biji benih Kelapa Sawit	SLGBUI	Minyak Sawit Keladak	

No. Siri : 293479

BUTIRAN LESEN MPOB

Borang MPOB L1




NO. LESEN : 62285511000

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998

PERATURAN-PERATURAN
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005

Menurut Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan tertakluk kepada syarat dalam atau yang dilampirkan atau dikenakan pada lesen ini, Lembaga dengan ini mengeluarkan lesen yang berikut itu kepada:

JOHAWAKI FARM SDN. BHD. (NO. PENDAFTARAN: 605700-D)

dari NO. 36A, JALAN DATUK SULAIMAN TAMAN TUN DR ISMAIL, 60000 KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

bagi

No.	Aktiviti Berlesen	Keluaran Kelapa Sawit
1	Menghasilkan	SLGBUI #
2	Menjual dan mengalih	SLGBUI #
3	Menyimpan	SLGBUI #

Bagi tempoh Satu (01) tahun bermula dari 21/09/2024 hingga 31/08/2025 termasuk kedua-dua tarikh di premis berlesen yang berikut:

LOT 247, MUKIM JAYA BARU,
32020 PERAK TENGAH
PERAK

Daya Pemprosesan Yang Diizinkan
tan buah kelapa sawit setahun

Fi 60000

Kategori NN

Bertarikh 21/09/2024


 Datuk Dr. Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir
 Ketua Pengarah
 Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Nota:

Keluaran Kelapa Sawit	Singkatan	Keluaran Kelapa Sawit	Singkatan
Buah Kelapa Sawit	FFB	Anak Benih Kelapa Sawit Daripada	SLGTISU
Isirung Sawit	PK	Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit	PPOPT
Asid Lemak Sawit	PFA	Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit	PPOPT
Oleokimia Sawit	PCM	Minyak Sawit	PO
Bunukli Isirung Sawit	PKC	Minyak Sawit Mentah	CPO
Bahan Penanaman Kelapa Sawit	OPRM	Minyak Sawit Mentah Yang Diproseskan	PPO
Biji Benih Kelapa Sawit	SDS	Minyak Isirung Sawit Mentah	CPKO
Anak Benih Kelapa Sawit	SLG	Minyak Isirung Sawit Mentah Yang Diproseskan	PPKO
Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Biji Benih Kelapa Sawit	SLGBUI	Minyak Sawit Keladak	SPO

No. Siri : 293479

Nama Pemegang Lesen

Alamat Berdaftar Pemegang Lesen

Aktiviti dan keluaran kelapa sawit dilesen

Khas untuk kilang buah kelapa sawit

Fi lesen

Syarat lesen

KOD KATEGORI LESEN

Tempoh dilesen

Premis dilesen

Tandatangan Ketua Pengarah

FI LESEN

☐ RM100 bagi :

- ❖ setiap aktiviti dan setiap kelas keluaran kelapa sawit.

☐ RM 500 bagi:

- ❖ mengilang buah kelapa sawit;
- ❖ memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit;
- ❖ memulakan pembinaan kemudahan simpanan pukal

☐ Percuma untuk Pekebun Kecil

(saiz kebun kelapa sawit kurang dari 100 ekar atau 40.46 hektar)

☐ RM 50.00 setiap pindaan butiran lesen (nama, alamat premis / pejabat berdaftar, perubahan ahli kongsi, perubahan lot / luas estet)

☐ RM 50.00 setiap salinan diperakui lesen

PERUBAHAN MAKLUMAT LESEN

Pemegang lesen hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam apa-apa maklumat yang telah diberikan kepada Lembaga:

- ❖ Perubahan maklumat selain alamat, dalam tempoh 21 hari (Jika gagal denda tidak lebih RM200,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya).
- ❖ Perubahan alamat dalam tempoh 2 minggu. Setiap perubahan maklumat berkaitan butiran lesen dikenakan fi sebanyak RM50.00 bagi setiap perubahan maklumat.

Per. 22
PPLMSM(Pelelesen) 2005
AKTIVITI DALAM PREMIS
BERLESEN

Pemegang lesen tidak boleh menjalankan apa-apa aktiviti dalam mana-mana premis selain dari premis berlesen. Pemegang lesen hendaklah segera memaklumkan sebarang perubahan alamat premis. Aktiviti lesen tersebut hanya boleh dijalankan di premis yang dilesenkan itu sahaja.

Per. 23
PPLMSM(Pelelesen)
2005 MEMPAMERKAN
LESEN

Lesen hendaklah dipamer di tempat yang mudah dilihat dalam premis berlesen.

Per. 17
PPLMSM(Pelelesen)
2005- SERAH HAK LESEN

- ❖ Pemegang lesen tidak boleh menyerahkan hak lesen kepada orang lain. Perbuatan menyerahkan hak lesen adalah suatu kesalahan yang boleh diambil tindakan kepada pemegang lesen.
- ❖ Denda tidak lebih RM250,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya.

PEMATUHAN SYARAT LESEN

Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi tiap-tiap syarat yang dikenakan berhubungan dengan tiap-tiap kategori yang dinyatakan dalam lesen yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

Syarat lesen terbahagi kepada dua (2) iaitu

- i. Syarat Am Lesen
- ii. Syarat Khusus Lesen

SYARAT AM LESEN

1. Pemegang lesen hendaklah mematuhi:
Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), Perundangan Subsidiari, Pekeliling-Pekeliling, Arahan dan selainnya perintah Lembaga.
2. Pemegang lesen hendaklah menyenggara dan mengemaskini setiap hari butir-butir rekod harian yang lengkap, benar dan tepat.
3. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan penyata bulanan yang mengandungi maklumat lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga pada tiap-tiap bulan tidak lewat dari tujuh haribulan bulan berikutnya.
4. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan maklumat berkala yang mengandungi maklumat lengkap, benar dan tepat kepada pihak Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah dari semasa ke semasa mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.
6. Pemegang lesen boleh secara elektronik memfailkan atau mengemukakan maklumat dan dokumen kepada Lembaga .
7. Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

SYARAT KHUSUS LESEN TAPAK SEMAIAN

1. Pemegang lesen adalah dikehendaki mengemukakan dokumen yang memperakui ketulenan biji benih sawit atau tumbuhan daripada tisu kelapa sawit yang diperolehi daripada tiap-tiap pembelian.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan membeli biji benih kelapa sawit atau anak benih kelapa sawit atau tumbuhan daripada tisu kelapa sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual biji benih kelapa sawit atau anak benih kelapa sawit atau tumbuhan dari tisu kelapa sawit.
3. Pemegang lesen tidak boleh menjual anak benih kelapa sawit yang umurnya kurang daripada 10 bulan.

[Pk(EL) MPOB 03/2021] berkuatkuasa 1 Januari 2022

“Pemegang lesen tidak boleh menjual anak benih kelapa sawit yang umurnya kurang daripada 10 bulan **KECUALI** kepada pemegang lesen kategori Tapak Semaian (NN).”

SYARAT KHUSUS LESEN TAPAK SEMAIAN

4. **[Pk(EL)MPOB 02/2012] berkuatkuasa 1 Julai 2012**

Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mengguna dan mematuhi kod amalan baik tapak semaian yang ditentukan oleh Lembaga iaitu Kod Amalan Baik Tapak Semaian untuk Tapak Semaian Sawit atau “Code Of Good Nursery Practice For Oil Palm Nurseries” (Berkuatkuasa 1 Julai 2012).

[Pk(EL) MPOB 04/2021] berkuatkuasa 1 Julai 2022

“Pemegang lesen dikehendaki mempunyai pensijilan *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* daripada Lembaga atau mana-mana badan pensijilan atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga”.

“Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak dan keperluan amalan baik tapak semaian yang terkandung di dalam *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* terkini atau mana-mana amalan baik tapak semaian yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada Lembaga atau mana-mana badan pensijilan atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga”.

SYARAT KHUSUS LESEN TAPAK SEMAIAN

5. Pemegang lesen hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang pegawai yang berkelayakan yang ditentukan oleh Lembaga bekerja dengannya.
6. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan anak benih kelapa sawit disertakan dengan borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dan diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.
7. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengistiharan mengenai konsainan anak benih kelapa sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan anak benih kelapa sawit itu.

PINDAAN SYARAT LESEN TAPAK SEMAIAN



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (04)04/C/PD/656/4 Jil. 6

1 Disember 2021

Pk (EL) MPOB 03/2021

Semua Pemegang Lesen Kategori Tapak Semaian (NN)

Tuan,

PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN): PENGECUALIAN PENJUALAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT BERUMUR KURANG DARIPADA 10 BULAN DARIPADA TAPAK SEMAIAN (NN) KEPADA TAPAK SEMAIAN (NN) YANG LAIN

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-116 yang diadakan pada 2 April 2021 telah bersetuju menguatkuasakan pindaan syarat lesen bagi pemegang lesen kategori Tapak Semaian (NN) iaitu pengecualian penjualan anak benih kelapa sawit berumur kurang daripada 10 bulan daripada Tapak Semaian (NN) kepada tapak semaian (NN) yang lain.

3. Sehubungan itu, Lembaga akan menguatkuasakan pindaan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2021 [Pk (EL) MPOB 02/2021] mulai 1 Januari 2022.**

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2021 (Pk (EL) MPOB 03/2021) bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah



TAMBAHAN SYARAT LESEN TAPAK SEMAIAN



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref.

Ruj. Kami / Our Ref. : (05)04/C/PD/656/4 Jil.6

1 Disember 2021

Pk (EL) MPOB 04/2021

Semua Pemegang Lesen Kategori Tapak Semai

Tuan,

PENGUATKUASAAN TAMBAHAN KRITERIA PERMOHONAN LESEN DAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN): MANDATORI PENSIJILAN CODE OF GOOD NURSERY PRACTICE FOR OIL PALM NURSERIES (CoPN)

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-111 yang diadakan pada 26 Oktober 2020 telah meluluskan tambahan Kriteria Permohonan Lesen dan Syarat Lesen berkaitan Pensijilan *Code Of Good Nursery Practice For Oil Palm Nurseries* (CoPN) serta pematuhan kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian CoPN yang akan dikenakan ke atas pemegang lesen kategori Tapak Semai (NN).

3. Sehubungan itu, Lembaga akan menguatkuasakan kriteria dan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2021 (Pk (EL) MPOB 04/2021) mulai 1 Julai 2022.**

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2021 (Pk (EL) MPOB 04/2021) bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah



TAMBAHAN SYARAT LESEN TAPAK SEMAIAN



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (03)04/C/PD/656/4 Jil. 6

1 Disember 2021

Pk (EL) MPOB 02/2021

Semua Pemegang Lesen Kategori:

1. Tapak Semaian (NN),
2. Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS),
3. Penghasil Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (NT),
4. Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN); dan
5. Peniaga Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (DT).

Tuan,

PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN), PENGHASIL BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS), PENGHASIL TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (NT), PENIAGA BIJI BENIH KELAPA SAWIT DAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT (DN); DAN PENIAGA TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (DT) IAITU PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG AKUAN JUALAN DAN PENERIMAAN BAHAN TANAMAN KELAPA SAWIT

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-116 yang diadakan pada 2 April 2021 telah bersetuju menguatkuasakan penggunaan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit bagi setiap transaksi jualan bahan tanaman kelapa sawit bagi pemegang lesen kategori Tapak Semaian (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (NT), Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit Dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN) dan Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (DT).
3. Sehubungan itu, Lembaga akan menguatkuasakan pindaan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2021 [Pk (EL) MPOB 02/2021] mulai 1 Januari 2022.**
4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2021 (Pk (EL) MPOB 02/2021) bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.



5. Sukacita dimaklumkan bahawa Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit boleh dibeli dengan harga RM20.00 di Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan, Wisma Sawit, Kelana Jaya, Selangor (sila berhubung dengan En. Nurul Anuar Azman di talian 03-78022712 atau En. Mohamed Fadzli Ibrahim di talian 03-78022961).

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah MPOB

s.k.

- i. Pengerusi MPOB
- ii. Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPPK
- iii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA)
- iv. Setiausaha Eksekutif Persatuan Penanam-Penanam Malaysia Timur (EMPA)
- v. Setiausaha Eksekutif Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH)
- vi. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA)
- vii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik-Pemilik Ladang Kelapa Sawit Sarawak (SOPPOA)
- viii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA)
- ix. Setiausaha Eksekutif Pergabungan Persatuan Peladang (ISP)




PEMBAHARUAN LESEN

- ❖ Melalui MyLesen MPOB di <https://e-lesen.mpob.gov.my>
- ❖ Kemukakan pembaharuan tidak kurang satu bulan tetapi tidak awal tiga bulan dari tarikh tamat lesen.
- ❖ Pembaharuan lesen kurang dari satu bulan sebelum tarikh habis tempoh lesen akan kena fi lewat 1% dari fi lesen atau RM10.00 setiap hari lewat termasuk tarikh tamat lesen.
- ❖ Pembaharuan selepas tarikh habis tempoh dikenakan fi habis tempoh 500% fi lesen atau RM5,000.00 mana yang lebih besar bersama fi lewat.
- ❖ Tiada lesen boleh dibaharui selepas tiga bulan dari tarikh tamat lesen.

PENGIRAAN FI LEWAT DAN FI HABIS TEMPOH

Contoh : Jika tarikh habis tempoh lesen adalah pada 31 Mac, maka permohonan pembaharuan boleh dikemukakan pada 1 Januari hingga 28 Februari



PENGIRAAN FI LEWAT DAN FI HABIS TEMPOH

JIKA MEMOHON KURANG DARI 1 BULAN, APA TINDAKAN MPOB?

Seseorang yang memohon pembaharuan kurang daripada 1 bulan dari tarikh habis tempoh, suatu fi lewat akan dikenakan untuk meneruskan pembaharuan lesennya iaitu sebanyak 1% daripada fi lesen atau RM10.00, mana-mana yang lebih tinggi bagi tiap-tiap hari kelewatan dan termasuk tarikh habis tempoh lesen.

Contoh: Fi lesen kategori Tapak Semaian (NN) adalah berjumlah RM300.00 dan tarikh habis tempoh pada 31 Mac.

Jika borang permohonan diterima pada 10 Mac, maka bilangan hari yang dikenakan fi lewat adalah;

$$\begin{array}{rcl} & 10 \text{ hari} & \text{(jumlah hari lewat)} \\ + & 1 \text{ hari (tarikh habis tempoh)} & \\ \hline & 11 \text{ hari} & \text{(jumlah hari dikenakan fi lewat)} \\ \hline \end{array}$$

- 1 hari lewat - 1% daripada fi lesen adalah RM3.00 atau RM10.00 (1 hari lewat)
- Jika 11 hari - RM33.00 atau RM110.00
- Oleh itu bayaran fi lewat adalah RM110.00 kerana lebih tinggi dari RM33.00

PENGIRAAN FI LEWAT DAN FI HABIS TEMPOH

Contoh: Lesen kategori Tapak Semaian (NN) adalah berjumlah RM300.00 dan tarikh habis tempoh pada 31 Mac.

Jika borang permohonan diterima pada 7 April, maka fi yang dikenakan adalah;

(a) Fi habis tempoh

500% daripada fi lesen adalah RM1,500.00 atau RM5,000.00.

- Maka bayaran fi habis tempoh RM5,000.00.

(b) Fi lewat:

31 hari dikira dari 01 Mac hingga tarikh habis tempoh iaitu 31 Mac,

- Maka fi lewat adalah 31 hari X RM10.00 (jumlah lebih besar) = RM310.00

➤ Oleh itu jumlah kena bayar : $RM5,000.00 + RM310.00 = RM5,310.00$

GANTUNG, BATAL, TIDAK DIPERBAHARUI LESEN PER. 15, PPLMSM (PELESENAN) 2005

1. Tidak mematuhi syarat-syarat lesen MPOB.
2. Penggunaan lesen berterusan akan melanggar Akta atau pekeliling penguakuasaan MPOB.
3. Pemberian maklumat palsu semasa mohon lesen.
4. Lesen diniatkan untuk menyalahi undang-undang.
5. Maksud asal lesen tidak lagi wujud.
6. Melanggar peruntukan Akta, pekeliling Penguatkuasaan MPOB atau mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.

GANTUNG, BATAL, TIDAK DIPERBAHARUI LESEN PER. 15, PPLMSM (PELESENAN) 2005

7. Melanggar mana-mana undang-undang samada terdapat pendakwaan atau tidak bagi kesalahan itu.
8. Disabitkan kesalahan oleh suatu mahkamah di luar Malaysia bagi kesalahan undang-undang berkenaan kelapa sawit.
9. Telah berhenti menjalankan aktiviti yang dilesenkan.
10. Telah mencemar imej industri kelapa sawit.
11. Apa-apa penentuan Menteri, Lembaga, Ketua Pengarah, Jawatankuasa Pelesenan atau pegawai diberi kuasa tidak dipatuhi.
12. Terdapat apa-apa hal keadaan yang perlu tindakan itu.

LESEN DISIFATKAN TERBATAL PER. 29, PPLMSM (PELESENAN) 2005

1. Menjadi tidak upaya mental.
2. Telah dihukum Bankrap.
3. Meninggal dunia.
4. Dalam hal syarikat, digulung, atau
5. Dalam hal perkongsian, koperasi, pertubuhan, kesatuan atau badan berkanun berkenaan, telah dibubarkan.

- Jika berlaku perubahan kepada perkongsian, mana-mana pekongsi yang tinggal hendaklah, dalam masa 21 hari daripada perubahan itu, memaklumkan kepada Ketua Pengarah secara bertulis perubahan itu.
- Permohonan untuk menerima masuk seorang pekongsi baru juga hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah. Tiap-tiap pekongsi juga adalah disifatkan bertanggung secara bersama kepada mana-mana perbuatan atau peninggalan melainkan dibuktikan sebaliknya.

RAYUAN

- ❖ Mana-mana orang yang terkilan dengan penentuan Lembaga, Jawatankuasa atau Ketua Pengarah boleh merayu dalam tempoh 30 hari dari tarikh penentuan itu kepada YB Menteri dengan disertakan fi rayuan berjumlah:
 - RM1,000.00 untuk kategori MF dan PM, atau
 - RM500.00 untuk lain-lain kategori.
- ❖ Sesuatu rayuan tidak boleh menjadi sebagai satu penggantungan penentuan yang telah dibuat.
- ❖ Tiada rayuan jika disebabkan gagal kemuka maklumat permohonan.
- ❖ Jika telah merayu tidak boleh membuat permohonan yang serupa sehingga terima keputusan rayuan

LARANGAN TERHADAP BUTIRAN PALSU KELUARAN KELAPA SAWIT YANG DIBEKALKAN

Mana-mana orang yang membekal, menjual atau mengeksport apa-apa keluaran kelapa sawit yang diketahuinya adalah palsu atau berbeza daripada yang sebenarnya adalah melakukan kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.



PENGUATKUASAAN

Pemeriksaan premis pemegang lesen hanya dilakukan pegawai diberi kuasa MPOB. Setiap pegawai memiliki kad kuasa semasa menjalankan tugas berikut:

- i. menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah akta.
- ii. menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan atau cuba atau bersubahat dalam perlakuan suatu kesalahan, jika orang itu enggan memberikan nama dan alamat atau dipercayai memberi nama atau alamat palsu.
- iii. menggeledah atau menyita apa-apa keluaran kelapa sawit, buku, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, rekod, dokumen atau benda lain mengenai perlakuan kesalahan
- iv. mengambil sampel apa-apa keluaran kelapa sawit.
- v. membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau benda lain di premis itu.

- vi. memberhentikan dan memeriksa kenderaan yang disyaki membawa apa-apa keluaran kelapa sawit, peralatan, dokumen, atau benda lain yang berkaitan suatu kesalahan dan boleh menyita jika mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai ianyasedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu.
- vii. Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa keluaran kelapa sawit yang disita dijual dan hasil penjualan itu dipegang sementara menanti apa-apa keputusan pendakwaan.
- viii. apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya yang disita boleh dilucuthak.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

❖ AMARAN

❖ KOMPAUN

❖ MAHKAMAH

❖ GANTUNG , BATAL ATAU TIDAK
DIPERBAHARUI LESEN



PENALTI

Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005

1. Denda tidak lebih RM200,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan urusniaga tanpa lesen (Peraturan 5).
2. Denda tidak lebih RM250,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan membekal, menjual atau mengeksport keluaran kelapa sawit palsu (Peraturan 41).

CONTOH TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS TAPAK SEMAIAN


Kesalahan	Status	Hukuman
Menghasil, Menjual dan Menyimpan SLGBIJI. (Peraturan 5)	Tanpa Lesen	i. Tindakan mahkamah ii. Denda RM10,000.00 iii. Lucuthak
Membeli SDS daripada sumber tanpa lesen (Peraturan 21-Syarat Lesen)	Berlesen	i. Kompaun RM2,000.00 ii. Lesen Dibatal (melalui tunjuk sebab dan pendengaran)

PELAKSANAAN MANDATORI CoPN

PERMOHONAN BAHARU LESEN TAPAK SEMAIAN

- ❖ Mematuhi kriteria permohonan lesen yang berkuatkuasa:
 - Modal RM50,000.00
 - Hadir dan lulus Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Nurseri Sawit anjuran MPOB.
 - Pemilikan tanah
 - Keluasan tanah sekurang-kurangnya 1 hektar
- ❖ Penilaian kesesuaian tapak oleh pegawai MPOB.
- ❖ Menyediakan Tapak Semaian mengikut kehendak CoPN dan memohon pensijilan CoPN dalam masa 6 bulan selepas dilesenkan.
- ❖ Audit dan pensijilan CoPN dalam tempoh masa 6 bulan berikutnya.
- ❖ Penguatkuasaan pensijilan CoPN selepas setahun dilesenkan.

PELAKSANAAN MANDATORI CoPN PEMEGANG LESEN BARU



CONTOH-CONTOH REKOD URUSNIAGA BAHAN TANAMAN KELAPA SAWIT

P.U. (A) 516.

3794

[illegible]

REKOD HARIAN

REKOD HARIAN



MPOB(EL)DN3-2(SDS)
MPOB(EL)DN3-2(SLG)
MPOB(EL)DT3-2(PFOPT)
MPOB(EL)NN3-2(SLG)
MPOB(EL)NS3-2(SDS)
MPOB(EL)NT3-2(PFOPT)

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998 (AKTA 582)
PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005
(PERATURAN 28)

Jualan/Penghantaran Bahan Penanaman Kelapa Sawit

Tarikh	Nama Pembeli/Penerima	No. Lesen / No. Kad Pengenalan	No. Siri Borang Aduan Dan Penerimaan	Umur (≥10 Bulan)	Biji Benih Kelapa Sawit/Anak Benih Kelapa Sawit/ Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit	Kuantiti

3801

P.U. (A) 516.



BORANG PENYATA BULANAN MPOB (EL) NN4
(Dihantar secara atas talian di <http://e-peniaga.mpob.gov.my>)



BORANG AKUAN JUALAN DAN PENERIMAAN BAHAN PENANAMAN KELAPA SAWIT

No. Siri:

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA, 1998 (AKTA 582)
PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005
PERATURAN 21 (1)

BORANG AKUAN JUALAN DAN PENERIMAAN BAHAN PENANAMAN KELAPA SAWIT (Borang Asal Ini Mesti Diberikan Kepada Pembeli)

MAKLUMAT PENJUAL

1. Nama Pemegang Lesen :
2. Alamat :
3. No Lesen :
4. No. Sijil / CoPN :

5. Maklumat Jualan Bahan Penanaman Kelapa Sawit

- Jumlah Unit Dijual (Mengikut Konsainan)
- i) Biji Benih Kelapa Sawit :
 - ii) Anak Benih Kelapa Sawit :
*(daripada Biji Benih Kelapa Sawit / Tisu Kelapa Sawit)
 - iii) Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit :
6. Sumber Bekalan Bahan Penanaman Kelapa Sawit :
7. Tarikh Belian Bahan Penanaman Kelapa Sawit :
8. Maklumat Hantaran:
No. Invois / Nota Penghantaran :
Tarikh Penghantaran :
9. Jenama Bahan Penanaman Kelapa Sawit yang dijual :

Saya memperakui dan mengesahkan bahawa keterangan di atas adalah benar dan lengkap.

.....
(Tandatangan Penjual) Tarikh :

* Potong mana yang tidak berkenaan

MAKLUMAT PEMBELI

1. Nama :
2. Alamat :
3. No. Lesen / No. Syarikat / No. Kad Pengenalan :

4. Maklumat Belian Bahan Penanaman Kelapa Sawit

5. Jumlah Unit Dibeli (Mengikut Konsainan)
- i) Biji Benih Kelapa Sawit :
 - ii) Anak Benih Kelapa Sawit :
*(daripada Biji Benih Kelapa Sawit / Tisu Kelapa Sawit)
 - iii) Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit :
6. Premis penanaman sawit :
7. Keluasan (hektar) :
8. No. Resit Belian (jika ada) :

Saya memperakui dan mengesahkan bahawa keterangan di atas adalah benar dan lengkap.

.....
(Tandatangan Pembeli) Tarikh :

TERIMA KASIH